

CAMPUR TANGAN ASING
Chedet.cc
14 August 2016
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Seperti biasa Najib gelabah apabila kenyataan benar berkenaan salahlaku olehnya didedah.
2. Demikian pendedahan yang dibuat oleh Department of Justice (DOJ) Amerika Syarikat berkenaan salahguna wang oleh keluarga dan kawannya dan oleh "Malaysian Official 1" yang semua tahu ialah Perdana Menteri Najib sendiri.
3. Najib dan konco-konconya memikir akan cara memutarbelit fakta yang didedah supaya rakyat Malaysia tertipu.
4. Kali ini kenyataan oleh DOJ dituduh sebagai usaha campur tangan dalam urusan negara Malaysia.
5. Apakah Amerika Syarikat yang begitu menghargai dasar Najib terhadapnya dan persahabatan Najib dengan Presiden Obama, berhasrat untuk menjatuhkan Najib. Mereka perlukan Najib menandatangani TPPA (Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik). Untuk menjatuh banyak cara yang boleh diguna seperti yang kita lihat di Timur Tengah.
6. Yang sebenar berlaku ialah pencabulan undang-undang Negara Amerika oleh keluarga Najib, kawannya dan Malaysian Official 1.
7. Money laundering (pembersihan wang haram) sudah ditakrif sebagai jenayah dikebanyakan negara. Ini disebabkan pendapatan daripada mencuri dan dagangan dadah sering dibawa ke negara lain untuk dibelanja.
8. Kemasukan wang kemana-mana negara (termasuk Malaysia) akan diperiksa untuk menentukan punca wang itu. Jika wang itu halal sekalipun cukai pendapatan perlu dibayar.
9. Jika punca wang berkenaan tidak dapat disahkan halal, iaitu ia mungkin dicuri atau berpunca daripada dagangan haram ia akan dirampas oleh pegawai negara berkenaan.
10. Duit berbilion dolar yang dibelanja oleh Riza Aziz, Jho Low mengguna wang dari bank Amerika, membiaya pembelian hartanah dan lukisan di Amerika, membayar hutang judi dan pengeluaran filem lucah Wolf of Wall Street. Oleh kerana wang haram dibawa masuk ke Amerika mengguna bank Amerika dan dibelanja di sana maka ia melanggar undang-undang Amerika.
11. Negara itu berhak mengambil tindakan undang-undang negaranya seperti Malaysia juga berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap orang asing yang melakukan jenayah di Malaysia. Jenayah oleh orang asing tidak dikecualikan dari undang-undang mana-mana negara.
12. Untuk elak dari barangan yang dibeli dengan duit haram dihilangkan, DOJ mengambil tindakan sivil bagi merampas barangan yang dibeli oleh Riza dan Jho Low. Kemudian baru mereka akan dituduh bawah undang-undang jenayah.
13. Di Amerika kebebasan media tidak boleh disekat seperti di Malaysia. Tuntutan media supaya didedah segala urusan pemerintah tidak boleh diketepikan. Dalam kes yang diketahui seluruh dunia

seperti penyelewengan 1MDB oleh Najib, tidak ada kemungkinan DOJ rahsiakan maklumat yang ada padanya. Namun nama Najib tidak disebut.

14. Jenayah Najib di Malaysia boleh dirahsiakan secara haram. Tetapi janganlah harap negara asing akan rahsiakan jenayah yang dilakukan di negara mereka oleh kita.

15. Jika pendedahan ini boleh mempengaruhi sikap rakyat terhadap Kerajaan Najib, yang salah ialah Najib. Kenapa cuba guna duit haram di Amerika.

16. Duit haram yang banyak tidak boleh disembunyi. Duit sebegitu banyak tidak boleh diurus tanpa diketahui oleh orang, tanpa catitan dalam buku dan dokumen. Jika disimpan di Malaysia pun, akhirnya akan diketahui orang juga. Yang haram tetap haram.

17. Wang tunai (cash) mungkin Raja. Tetapi ia juga satu belunggu yang boleh meruntun turun pemiliknyanya sehingga jatuh tersungkur.

ENG VERSION

FOREIGN INTERFERENCE

1. As usual Najib panicked when true statements in respect of his misconduct are exposed.
2. So thus disclosure made by the Department of Justice (DOJ) of the United States in respect of misuse of funds by family and friends and by the "Malaysian Official 1" which everyone know is Prime Minister Najib himself.
3. Najib and his cohorts will think of ways to twist facts that were exposed so that Malaysians will be fooled.
4. This time the statement by The Department of Justice is alleged as attempts to interfere in the affairs of Malaysia.
5. Does the United States of America, who really appreciated Najib' policy towards the country and Najib's friendship with President Obama, will seek to topple Najib. They needed Najib to sign the TPPA (Trans-Pacific Partnership Agreement). There are a lot of ways that can be used to bring down, as we see in the Middle East.
6. What actually happened is a violation of the laws of the United States by Najib's family, his friends and Malaysian Official 1.
7. Money laundering (cleansing illegal money) has been classified as a crime in many countries. This is because stolen money and proceeds from drug trade are often taken to another country for spending.
8. The transfer of money into any country (including Malaysia) will be scrutinized to determine the source of the money. Even if the money is legal income taxes are still payable.
9. If the source of the money cannot be ascertained legal, that is, it may have been stolen or arose out of an illegal trade, it will be confiscated by officials of the countries concerned.
10. Billions of dollars of money had been spent by Riza Aziz, Jho Low using money from American banks, to finance the purchase of properties and paintings in America, to pay for gambling debts and

the production of the pornographic film Wolf of Wall Street. As illegal money had been brought into the United States using American banks, and spent there, this violates American law.

11. That country has the right to take legal action, just like Malaysia is also entitled to take legal action against foreigners who commit crimes in Malaysia. Crimes by foreigners are not exempted from the laws of any country.

12. In order to avoid the goods purchased with illegal money being spirited away, the Department of Justice took civil action to seize the goods purchased by Riza and Jho Low. Then, will they be charged under criminal law.

13. In America, media freedom cannot be blocked as in Malaysia. Media's claim that all matters of government be revealed cannot be ignored. In cases known worldwide, such as misappropriation of 1MDB by Najib, there is no possibility that the Department of Justice will conceal the information available to it. But Najib's name is not mentioned.

14. Najib's crime in Malaysia can illegally be kept secret. But do not expect foreign countries to conceal crimes committed in their country by us.

15. If this exposure can affect people's attitude towards the Government of Najib, the one to be blamed is Najib. Why try to use illegal money in the United States.

16. Money laundering on such a big scale cannot be concealed. Such a big sum of money cannot be managed without being noticed by someone, without entries in books and documents. If kept in Malaysia too, it will eventually be known as well. What is Illegal is still illegal.

17. Cash may be King. But it is also a shackle that can drag its owner down to his knees

43 thoughts on "CAMPUR TANGAN ASING"

-  1. [Log in to Reply zulu](#) Aug 16, 2016 10:16 AM

It's strange the slaves not talking about DONATION any more!!!

DONATION for buying penthouse in New york, for buying paintings, for producing hollywood movies, etc., etc.,...

-  2. [Log in to Reply joetachi](#) Aug 16, 2016 8:39 AM

Pemuda

U nder

M acai

N umber

O ne....

3.  [Log in to Reply SemmakPala](#) Aug 16, 2016 8:10 AM

Slm YBhg Tun, sokongan akan diberikan kpd Tun. Kebanyakan rakyat berpendapat campurtangan asing perlu bagi membantu menegakkan keadilan sekiranya keadilan itu sendiri tidak dpt ditegakkan oleh Pengamal Undang2 di negara sendiri. Ianya terbukti dpt mengubah pemimpin yg korup di beberapa buah negara spt contoh Eropah dan jiran kita Filipina, Thailand dll.

Contoh yg diberikan oleh MEREKA dgn apa yg berlaku di Turkey adalah berbeza. MEREKA cuba memutarbelitkan hal sebenar di Turkey. Rakyat Turkey 100% bangun menyokong presidennya & ada yg sanggup bergadai nyawa. Ini perbezaan yg amat jauh ketara dibandingkan dgn negara ini. Kebanyakan rakyat tidak menyokong kepimpinan sedia ada. Malah tiada kesalahan, jenayah kewangan & penyalahgunaan kuasa oleh Presiden Tukey berbanding dgn negara ini.

Negara2 yg bermusuhan dgn Turkey berpakat utk menjatuhkan Presidennya krn Turkey di bwh kepimpinan Erdogan dikatakan sbg ancaman kpd negara mereka. Turkey terus maju, ekonomi mula dikuasai mereka, kuat dlm ketenteraan, penukaran cara hidup rakyatnya lbh kearah islam & sbg negara paksi kpd agama islam. Ianya tidak mengikut telunjuk barat spt negara Arab. Oleh yg demikian, musuhnya berusaha menjatuhkannya. Kalau dibandingkan dgn negara ini AMAT BERBEZA. Negara ini TIDAK PERLUKAN KUASA ASING utk menghancurkannya. SIFAT PEMIMPIN & mereka yg di bwh pimpinannya SUDAH CUKUP KUAT UTK MEROBOHKANNYA.

Dgn fakta2 & perbandingan yg diputarbelitkan MEREKA utk menambat kepercayaan rakyat telah menampakkan MEREKA kini terdesak. Hati & jiwa mungkin blh dibeli dgn wang ringgit tetapi KEPERCAYAAN tidak dpt dibeli jika sekali sudah tertipu maka kepercayaan akan hilang begitu sahaja. Bukan sahaja rakyat Turkey yg menyokong Presidennya malah RAKYAT NEGARA INI juga menyokong Erdogan tetapi rakyat Turkey tidak menyokong kepimpinan negara ini ke atas SAMAN SIVIL DOJ mula dilakukan ke atas negara ini. Itu perbezaan YG AMAT KETARA.

MEREKA mengatakan ini masalah ekonomi sejagat yg menyebabkan kelembapan ekonomi negara ini. Ini juga putarbelit yg terang-terangan oleh MEREKA. Thailand ekonominya kukuh malah matawang BATH telah melebihi RINGGIT. Sekarang MEREKA tidak membuat perbandingan dgn Thailand & Indonesia kerana ekonomi mereka baik. 2 buah negara ini terkenal dgn tunjuk perasaan oleh rakyatnya. Sekiranya pentadbiran kedua-dua buah negara ini tidak baik & menghadapi masalah ekonomi rakyat mereka akan mengadakan rapat umum & tunjuk perasaan mendesak perubahan atau mendesak perletakkan jawatan Perdana Menteri/Presiden mereka tetapi ini tidak berlaku di sana. Ini menunjukkan negara mereka stabil malah berita di TV mereka tlg merujuk kpd negara ini sbg contoh kpd ke arah kehancuran yg kerap kali kepimpinan kita seketika dahulu menggunakan negara mereka sbg contoh kepimpinan yg buruk.

Melanjutkan TEMPOH PENCEN kakitangan awam yg dituntut oleh Jabatan yg diKUDAKAN sbg alat itu adalah tindakan yg TIDAK BIJAK. Ianya hanya utk mengelakkan pertuduhan oleh rakyat agar dialihkan kpd Jabatan tersebut & bukannya dari kehendak MEREKA. Ini hanya akan melegakan KERAJAAN dlm pembayaran wang KWSP/KWAP dlm masa terdekat sahaja. Implikasinya adalah LEBIH BURUK jika dibandingkan dgn kebaikannya dlm jangkamasa panjang. Pengurangan PENGANGGURAN tidak dpt dikurangkan sekiranya tempoh khidmat dilanjutkan. Jumlah pampasan juga akan berlipat ganda bayarannya tetapi utk mengelakkan itu semua perancangan tlg dibuat MEREKA iaitu menyimpan dgn wang gaji sendiri. Ini semua sdh dijangka berlaku. Jbatan tersebut membuat keputusan tanpa persetujuan ahli iaitu pekerja2 & tlg menunjukkan ianya telah diperalatkan.

Kenyataan, pencerahan & penerangan secara spontan MEREKA menyebabkan rakyat juga spontan

menilainnya. Ini berlaku kerana kenyataan MEREKA kebanyakan TIDAK BERTEPATAN langsung dgn apa yg berlaku di taip2 buah negeri. Sekali lagi ini menunjukkan MEREKA kurang arif dgn apa yg berlaku. Maklumat yg diberikan oleh Pegawai2 yg ditugaskan mencari maklumat sebenarnya juga tidak melaksanakan tugas mereka dgn baik & maklumat kebanyakannya TIDAK TEPAT. MEREKA tidak membuat kajian langsung akan hal ini & hanya menerima maklumat dari tangan ke tangan sahaja. Cukup dahulu luahan saya utk kali ini setelah sekian lama berdiam diri memerhatikan apa yg berlaku sehingga mengheret saya mempenakan buah fikiran ini. Sekian. Ucapan Alhamdulillah & syukur kpd Allah atas pulihnya kesihatan Tun. Moga dikurniakan kebaikan & Rahmat kpd Tun & keluarga di dunia & akhirat. Terima kasih.

4.  [Log in to Reply](#) **The Hidden Secret** [Aug 16,2016 6:44 AM](#)

Salam!

Sebelum Najib and the gang pergi berjumpa dengan isteri Justo, lebih baik Mahathir and the gang jumpa dia dulu. Bak kata akhbar China... Najib seperti bank besar yang ada banyak duit... nanti Najib bagi dedak kepada isteri Justo.

5.  [Log in to Reply](#) **Sri Sense** [Aug 15,2016 9:52 PM](#)

Salam Tun

Di FB, nampaknya ada ramai wira dan wirawati BERSATU, ada juga yang kata certain FB wall bukan the ori BERSATU. I wonder jugak adakah yang ini sehaluan atau yang tak sehaluan.

I nak share berita ini, I sebenarnya dah baca kat FB siang tadi, tapi pada yang tak berpeluang baca ini beritanya :

'What foreign intervention?' asks Mahathir's lawyer

PENANG: A "legitimately elected" prime minister who commits a crime ceases to be legitimate until he or she is cleared by the courts, lawyer Haniff Khatri Abdulla argued today.

Haniff, who is former PM Dr Mahathir Mohamad's lawyer, was commenting on Education Minister Mahdzir Khalid's remarks that there were foreign elements trying to decide how the country should be administered, alluding to attempts at toppling a legitimately-elected PM.

"The government, inclusive of the ministers, and of course the PM, were 'elected through a legitimate process', to govern the nation, and not to commit crimes against the nation.

"Hence, any legitimacy of the election of the PM comes to a stop when there is crime involved."

These allegations remain until the criminal agencies have completely cleared him after thorough investigations, and until the decisions of those agencies being challenged have been decided by the courts of law," Haniff said in a Facebook status update today.

Last month, the US Department of Justice (DoJ) filed lawsuits claiming that over US\$3.5 billion was misappropriated from 1MDB.

Read More:

<http://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2016/08/15/what-foreign-intervention-asks-mahathirs-lawyer/>

Goodnight.



6. [Log in to Reply rimba.emas](#) Aug 15, 2016 9:00 PM

Salam Tun.

1. Masih ramai rakyat Malaysia yang akan menggundi nanti pada Pru 14 akan di buat tertipu disebabkan sibuk dengan kehidupan harian.
2. Sebab itulah sepatutnya cara yang paling berkesan adalah melalui tindakan undang-undang.
3. Oleh kerana tindakan undang-undang yang sedang berjalan sekarang memakan masa yang lama sebab masih dalam siasatan, jadi kita ambil pusing dengan cuba menukar pemerintahan melalui peti undi.
4. Bagi Parti pemerintah sekarang cara yang akan di ambil melalui peti undi akan mencerahkan peluang mereka memerintah atas faktor rekod yang lalu.
5. Maka terdengarlah berbagai laungan dalam bentuk cabaran malah ada yang perli mahu pun peringatan kepada ahli serumpunya.
6. Walau pun kita tahu cara yang diambil itu salah dalam agama tetapi disebabkan ada rakyat yang akan menggundi nanti ramai yang langsung tidak pernah membaca cerita 1MDB tulisan Tun dan akhbar-akhbar bukan arus perdana.
7. Bagaimana kurangnya yang berani bercakap benar mendapat sokongan bermakna ramai lagi yang memihak kepada yang salah.
8. Contohnya ketika permulaan Rasullulah s.a.w menegakkan kebenaran melalui peperangan yang gambarannya terkurang bergandaan dari pihak musuh tetapi kemenangan adalah atas faktor kekuatan fizikal dan mental.
9. Sebaliknya kemenangan atas undi tidak akan berhasil kepada yang kurang mendapat undi. Undi ini bukan juga satu yang subjektif tetapi kekuatannya atas faktor kelebihan bilangan.
10. Kalau dalam agama kita di beri peluang kemenangan pada alam lain walau pun rugi di dunia. Sebab itulah ramai yang tidak ambil peduli kerana tidak merasai akibat yang akan berlaku di kemudian hari.

11. Sebab itulah ada nas-nas yang sahih digambarkan ada penyesalan kepada umat-umat di akhir zaman sehingga penyesalan itu tidak di ampuni oleh Allah s.w.t bila tertutupnya pintu taubat setelah terbitnya matahari di sebelah barat.

Wallahua'lam.



7. [Log in to Reply Sri Sense](#) Aug 15, 2016 7:32 PM

Salam Tun

Nak kongsi berita

Bekas bos Ipic disiasat pihak berkuasa Swiss, lapor FT

PETALING JAYA: Bekas pengarah urusan syarikat kewangan milik kerajaan Abu Dhabi, International Petroleum Investment Company (Ipic), disiasat pihak berkuasa Switzerland, lapor Financial Times.

Switzerland menyiasat dakwaan Khadem al-Qubaisi terbabit dalam persekongkolan antarabangsa untuk menggelapkan wang daripada syarikat milik kerajaan Malaysia, 1MDB.

Menurut media kewangan itu, surat daripada pihak berkuasa Switzerland berkenaan siasatan itu menyebut Khadem disyaki melakukan penipuan, pengubahan wang dan rasuah.

Read More

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/08/15/bekas-bos-ipic-disiasat-pihak-berkuasa-swiss-lapor-ft/>

Mahathir discharged from IJN

PETALING JAYA: Former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad was discharged from the National Heart Institute (IJN) at 4.30pm on Monday.

"He will continue with physiotherapy and exercises at home," IJN said in a press release.

Dr Mahathir was admitted on Aug 9 for treatment of a chest infection.

Read More

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/08/15/mahathir-discharged-from-ijn/>



8. [Log in to Reply joetachi](#) Aug 15, 2016 5:44 PM

#kuasapekongdidada

Malaysia kena rogol dgn melaYu puaka...

Buat penyedap ahli keluarga...!

#puakapunyapenyamon

Kt Amreka, buat cerita lucu...

Kt Msia, meLayu menadah...

U ntok

M eLayu

N aji\$

O rgy

Budaya Luar pUteri menari...

Goyangk n bontot ke kanan kiri...

Pemuda pula bersumpahjanji...

Macai no.1 gelaran diberi....

#apanakjadidenganiniparti

///

umno terus parah

dibawah NAJIB & ROSMAH.....!

#presidendanbini

9.



[Log in to Reply](#) **Fariq Islam** Aug 15, 2016 5:25 PM

Assalamualaikum, Tun.

Wahai... ahli-ahli dan tokoh-tokoh politik di Negara ini, tolonglah hargai keMerdekaan dan kedaulatan perlembagaan dan hak kita.

Campur-tangan AS mungkin membawa kesan merampas harta Negara kita secara "sah", di sisi undang-undang mereka. Yang paling teruk ialah mungkin mereka diberi keutamaan dalam perangkaan polisi, dasar dan undang-undang Negara kita.

Tak lupa juga, pihak-pihak yang terlibat dalam pemberian maklumat untuk menjayakan campur-tangan asing pula dirayu agar sentiasa mempertimbangkan masa depan Negara, bukan sahaja sekadar ingin menjatuhkan kerajaan ini.

Semoga Tun terus berjuang, dengan Parti Pribumi Bersatu ini, secara telus and tulus!

10.



[Log in to Reply](#) **cruze** Aug 15, 2016 11:12 AM

Najib mengutuk munyidin kerana setelah salam tangan beliau terus tidak berjumpa beliau lagi. Dan seorang perempuan dari kota tinggi mengucup2 tangan beliau...bahawa itu sokongan padu. Adoi.....haram tau tak bukan muhrim bersentuhan...najib najib....orang kota orang kota....ni sekolah agama tak habis ea.

TMJ pun menggunakan sarung tangan tau.

Salam sejahtera buat TMJ dan Tun

11.  [Log in to Reply](#) **zulu** [Aug 15,2016 10:42 AM](#)

"New chief commissioner Datuk Dzulkifli Ahmad called upon those involved in corrupt practices and abuses of power to step forward or be prepared to face the full brunt of the MACC's enforcement."

Is this applicable for Najis also?!!!

12.  [Log in to Reply](#) **sibotak** [Aug 15,2016 10:39 AM](#)

Malaysia kena Rogol

Satu Dunia bercerita fasal duit 1 MDB kena curi sana sini .Mereka mengambil kesempatan, Rabak Malaysia di kerjakan.Sekarang Swiss menyuruh Abu Dhabi buat siasatan menyeluruh kiatan wang 1MDB di lesapkan lagi AG Apandi ,PM Malaysia kata tidak berlaku kesalahan pri 1MDB

Memang kita Malaysia akan terlungkup dek kepentingan pribadi mereka .Besar punya Harami

13.  [Log in to Reply](#) **Average Joe** [Aug 15,2016 9:34 AM](#)

Salam Tun,

I have joined Bersatu. I am not ashamed to admit I did it because I believe in your vision and integrity. Although rationally I am averse to supporting personalities over principles and ideals, emotionally I am putting my faith in your reputation Tun and your countless years of service.

I am reminded of something you said all those years ago. Paraphrasing, if you find out you have cancer than you cut it out. (This is mine) If your arms are rotting, then amputate. UMNO I liken to the rotting arm, which has given the body(Malaysia) years of service. Unfortunately because of years of indulgence and sickness(diabetes?), it has rotted, and to save the body, we have to amputate it out. What we have obviously will not be whole(our reputation, racial harmony and government system will take decades to recover) , but we have a chance to make different choices and perhaps make something else for ourselves, better and stronger.


Thank you Tun, may Allah protect you and your family and the People of Malaysia.

14.  [Log in to Reply](#) **Aktivis Islam** [Aug 15,2016 8:53 AM](#)

Assalamualaikum Tun,

Khusus kpd saudara admin pribumibersatu.ml, Sblm ini anda umum kempen pendaftaran Bersatu diwebsite tersebut dimana semua pendaftaran akan diforwardkan kpd pihak blog chedet.cc, saya yakin ramai masih ragu2 untuk mendaftar disana selaku pendaftar tak rasmi. Ini berkaitan maklumat

peribadi, harap pihak anda boleh jelaskan sesuatu dan jaminan oleh admin chedet.cc sendiri. Saya pnh utarakan isu ini, iaitu kaedah pendaftaran yg jelas. Terima kasih. Jazakallahu khaira.

15.  [Log in to Reply](#) **musato** [Aug 15,2016 7:35 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Tahniah Cruze. Terima kasih HBT.

Bos saya kata orang (termasuk pangkat tinggi) tikam belakang saya. Dia ambil saya balik untuk buang orang itu. Perancangan sedang dijalankan.

Campur tangan 'pihak berkuasa/asing' sedang berlaku. Saya ikut sahaja....saya tak tahu kerja orang kata.

Padahal saya dah beritahu saya pandai buat croissant sahaja (...hahaha) Berapa belas ribu kompeni untung maa....

Mereka boleh bayar saya untuk buat roti. Saya fikir mereka tak boleh bayar saya untuk kemahiran pengurusan saya.

Jadi sebagai jalan mudah, saya lebih suka ikut ketua yang amanah,shiddiq,fathonah dan tabligh agar mendapat keberkatan dari Allah swt.

Jadi, sekarang saya lebih suka pada campurtangan orang asing.

Terima kasih Tun.

16.  [Log in to Reply](#) **daeng** [Aug 15,2016 6:59 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Saya dah cuci diri saya dengan membuang Najis UMNO.

Kini saya dengan bangganya adalah ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

Seisi keluarga saya akan menyusul Tun.

Wassalam.

17.  [Log in to Reply](#) **freemind** [Aug 15,2016 3:57 AM](#)

1. Dunia hari ini menyaksikan penipuan, penganiayan dan penindasan secara terang, dimana puak jahat mendapat kemenangan dan perlindungan.

2. Mereka yang teraniaya, rasa tidak berdaya mendapatkan keadilan. Oleh kerana itu, mereka hanya memendam kemarahan dan lanjut waktu langsung lupa. Kebanyakan juga takut mengalami perubahan cara hidup mereka akibat menentang kuasa besar.
3. Segelintir dari mereka berani menjejaskan keselamatan mereka demi memperjuangkan kebenaran dan hak asasi rakyat.
4. Pengorbanan dari wira-wira inilah yang telah meraihkan kebebasan dari cengkaman penindas, walaupun puak penindas dan penipu giat mengambil alih kuasa berturut-turunan.
5. Politik hari ini dimenangi oleh mereka yang memiliki dana kewangan yang besar, seperti mana yang dikatakan oleh Najib, "Cash is King".
6. Kita mungkin telah lupa adanya King yang lebih besar dari Cash, yang harus manusia hadapi di kian hari.
7. Ayat di dalam Al Quran mengatakan, Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka cuba mengubah nasib mereka.
8. Walaupun kita harus mengambil semua langkah-langkah untuk menentang penipuan dan pencurian harta rakyat, janganlah pula kita lupa untuk berdoa secara kolektif kerana tuhan sahajalah yang bisa menjayakan usaha kita.
9. Saya menyarankan pada malam Jumaat ini, kesemua orang Islam di Malaysia yang tidak dapat memperjuangkan kebenaran dengan cara lain, menunaikan sembahyang tahjud dan berdoa khususnya supaya diberikan keadilan dan diberikan perlindungan dari penipuan, dan supaya kesemua yang bersubahat dengan puak penipu disingkirkan dari kedudukan kempimpinan negara.



18. [Log in to Reply](#) **faridina** [Aug 15, 2016 12:52 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

NAJIB BERDUSTA TIADA CAMPURTANGAN ASING OLEH AMERIKA SYARIKAT

Buat saudara2ku, pakcik2, makcik2, abang2, kakak2, adik2 dan anak2 yang jauh di kampung2 di seluruh pelusuk tanahair.

Benar kenyataan Tun M bahawa seperti biasa Najib akan mengelabah apabila kenyataan benar berkenaan salahlaku olehnya didedah orang, kali ini oleh sebuah kerajaan asing bukan suratkhbar asing.

Kerajaan asing yang dimaksudkan pula kebetulannya adalah sekutu kuat Najib iaitu Amerika Syarikat (AS) di mana mengikut sejarah Malaysia, Najib adalah satu-satunya Perdana Menteri yang sewaktu pemerintahannya dilawati Presiden AS sebanyak 2 kali dan presiden tersebut adalah orang yang sama iaitu Obama.

Sebelum ini hanya di waktu pemerintahan PM pertama Tunku Abd Rahman negara ini pernah dilawati Presiden AS iaitu Lyndon B Johnson pada 1966, lama tu jarak lawatan antara kedua2 presiden sekitar 48 tahun.

Ini bermakna sewaktu bapak Najib memerintah Tun Razak PM 2, Tun Hussein Onn PM 3, Tun Dr Mahathir PM 4 dan Tun Dol PM 5 Malaysia hanya dipandang sepi oleh Amerika.

Lawatan presiden ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Najib sememangnya istimewa di mata Presiden Obama dan lebih bersejarah lagi Najib pula merupakan satu2nya PM Malaysia yang cukup bertuah dijemput bermain golf bersama Presiden AS ini (tak tahulah kalau Jho Low ada membayar kepada pelobi berlesen di AS untuk ini – mungkin WSJ boleh siasat).

Kita harus sedar yang membongkar segala salahlaku Najib dan talibarut2nya adalah Jabatan Peguam Negara (DOJ) Amerika Syarikat dan bukannya pejabat Presiden Amerika Syarikat dan kedua2nya adalah komponen kerajaan AS.

Dalam konteks ini saya tabik pada Obama kerana tidak mencampuri urusan DOJ atau sistem demokrasi AS sendiri tidak memungkinkan beliau berbuat demikian.

Berbeza dengan Najib sungguhpun negara ini juga mempunyai 3 cabang kuasa iaitu eksekutif, legislatif dan kehakiman namun beliau tetap mencampuri urusan kehakiman dengan memecat AG yang amanah untuk digantikan AG pilihannya yang tidak akan mendakwanya.

Sebelum ini pun Najib sedar FBI sedang menyiasatnya sewaktu beliau dengan beraninya melangkah ke New York tahun lepas kerana yakin Obama akan melindunginya memandangkan TPPA pun belum ditandatangani Malaysia lagi waktu itu.

Kesimpulannya Najib kecewa apabila Obama tidak menghalang DOJ dari mengeluarkan laporan setebal 136 mukasurat yang menamakan beliau sebagai "Pengawai Malaysia No.1" atau MO1 (ditakrifkan sebagai orang yang paling berkuasa dalam pentadbiran kerajaan dan 1MDB, dinyatakan juga sebagai saudara Riza Aziz) yang bersuhabat dalam pengubahan wang haram 1MDB berjumlah melebihi 4 billion ringgit.

Menariknya nama MO1 disebut bukan sekali dua dalam laporan tersebut tetapi sebanyak 36 kali. Terharu apabila Sarawak Report mengambil inisiatif menterjemahkan laporan tersebut ke dalam Bahasa Malaysia sebagai menyahut kenyataan Bung Mokhtar bahawa orang kampungnya tak faham isikandungannya (adakah saya dan anda berbuat demikian?).

Lebih melucukan Najib menegaskan bahawa laporan DOJ tiada kena mengena dengannya atau kerajaan Malaysia dan 1MDB tiada aset di Amerika tetapi pada masa yang sama mengatakan kerajaan AS sengaja mahu campurtangan dalam urusan pentadbiran sebuah negara berdaulat.

Di Indonesia beliau berkata ini merupakan penindasan terhadap sebuah negara Islam contoh.

Menteri2 sependosaan macam Saleh Said Keruak, Ahmad Shabeery Chik dan terbaru Idris Haron (panggilan manja orang Melaka si Karat) mula memalu gendang berbagai irama membela Ketua Penyamun mereka.

Budak Karat sampai cakap ini agenda Amerika nak bunuh orang Melayu dengan menyamakan Najib dengan Saddam Hussein (jangan begitu lahabau tak takut pun kerana dalam kes Iraq yang hendak dibunuh AS ialah Saddam dan kuncu2nya bukan rakyatnya)

Saudara2ku kenapa Najib dan kuncu2nya perlu mengelabah kalau berada di pihak yang benar?

